

Sila baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful myMotor - Motosikal. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Ini adalah Takaful Motosikal Persendirian Komprehensif yang menyediakan perlindungan kepada motosikal anda sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan akibat kemalangan, kebakaran atau kecurian serta liabiliti kepada pihak ketiga untuk kematian atau kecederaan badan dan kerugian atau kerosakan harta benda.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Produk ini menggunakan konsep Syariah berikut:

- Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang balasan. Di bawah produk ini, manfaat yang dibayar daripada Dana Takaful Am (“DTA”) adalah berdasarkan Hibah. Sebahagian lebih boleh dibahagikan yang dikreditkan ke dalam DTA akan diagihkan kepada peserta yang layak dalam bentuk pulangan tunai berdasarkan Hibah.
- Ju'alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang Berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah produk ini, peserta membenarkan [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] (“Kami”, atau “Takaful Malaysia”) untuk menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih daripada DTA sebagai incentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan DTA yang menghasilkan lebihan tersebut.
- Qard** merujuk kepada kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah produk ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada DTA tanpa faedah sekiranya DTA mengalami defisit.
- Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah produk ini, peserta menderma sebahagian sumbangan kepada DTA untuk membantu peserta lain. Tabarru' berkuat kuasa apabila peserta menyumbang kepada DTA.
- Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Di bawah produk ini, peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan DTA dan sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Produk ini melindungi:

- Kerugian atau kerosakan pada motosikal anda akibat kemalangan, kebakaran atau kecurian.
- Liabiliti anda atau penunggang dibenarkan anda kepada pihak ketiga untuk:
 - Kematian atau kecederaan badan; dan
 - Kerugian atau kerosakan harta benda.

Selain itu, produk ini juga menyediakan program bantuan kecemasan bahu jalan 24/7 dengan jarak percuma sehingga 30km tunda kerosakan untuk kes pertama penggunaan dalam tempoh takaful yang sama. Anda hendaklah menanggung jumlah kos untuk permohonan bantuan berikutnya.

Manfaat tambahan berikut juga boleh disertakan dengan membayar sumbangan tambahan:

	Manfaat Tambahan	Perihal Perlindungan
a.	Bike PA Plus	<p>Manfaat ini menyediakan perlindungan tambahan untuk anda atau pembonceng yang dibenarkan menunggang atau turun dari motosikal terhadap kematian atau keilatan kekal akibat kemalangan jalan raya.</p> <p>Anda boleh memilih mana-mana pilihan pelan di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pelan 1 – Perlindungan Kemalangan Peribadi RM5,500 (termasuk Badal Haji dan Korban untuk orang Muslim). Sumbangan ialah RM15. Pelan 2 – Perlindungan Kemalangan Peribadi RM8,000 (termasuk Badal Haji dan Korban untuk orang Muslim). Sumbangan ialah RM22. Pelan 3 – Perlindungan Kemalangan Peribadi RM5,500 untuk setiap penunggang & pembonceng yang dibenarkan (termasuk Badal Haji dan Korban untuk orang Muslim). Sumbangan ialah RM25. <p>Jumlah yang perlu dibayar untuk orang bukan Muslim adalah sama dengan jumlah amaun manfaat yang diterima oleh orang Muslim, dan manfaatnya boleh dituntut satu (1) kali dalam tempoh setahun takaful.</p>
b.	Kemasukan Peril Khas	Manfaat ini melindungi motosikal anda daripada kerugian atau kerosakan yang disebabkan peril semula jadi seperti banjir, rebut, taufan, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh atau mendapan.

c.	Liabiliti Undang-undang terhadap Pembonceng*	<p>Manfaat ini melindungi anda terhadap liabiliti undang-undang untuk kematian atau kecederaan badan terhadap pembonceng (kecuali ahli keluarga) disebabkan oleh kecuaian anda semasa menunggang.</p> <p>Perlindungan ini adalah wajib jika anda menunggang motosikal di Singapura.</p>
d.	Mogok, Rusuhan & Kekecohan Awam	Manfaat ini melindungi motosikal anda daripada kehilangan atau kerosakan yang disebabkan secara langsung oleh orang yang terlibat dalam mogok, rusuhan atau gangguan ketenteraman awam.

Nota:

- 1) *Adalah menjadi satu kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura untuk memasuki negara tersebut tanpa menambah perlindungan liabiliti pembonceng kepada takaful motosikal anda.
- 2) Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui sijil setiap tahun.
- 3) Sila rujuk sijil untuk senarai penuh perlindungan/manfaat di bawah produk ini.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ([TIPS](#)) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari www.pidm.gov.my/my).

4. Berapakah jumlah sumbangan yang saya perlu bayar?

Sumbangan yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada jumlah perlindungan dan keupayaan motosikal, kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan ("NCD"), manfaat tambahan yang diperlukan dan keperluan pengunderaitan kami, tertakluk kepada sumbangan minima RM20.00.

Contoh:

Untuk Motosikal

Usia Kenderaan: 1 tahun

Keupayaan Padu: 150 cc

Jumlah Perlindungan: RM6,000*

Kelayakan NCD: 15%

Manfaat Tambahan: Bike PA Plus (Pelan 1)

Anggaran jumlah sumbangan yang perlu anda bayar ialah RM302.93 seperti yang dinyatakan di bawah:

	<u>RM</u>
Sumbangan:	293.21
Tolak NCD (15%):	<u>43.98</u>
Sumbangan Kasar:	249.23
Tambah Bike PA Plus (Pelan 2):	22.00
Sumbangan Bersih:	271.23
Tambah 8% Cukai Perkhidmatan:	21.70
Tambah Duti Setem:	<u>10.00</u>
Jumlah Sumbangan:	<u><u>302.93</u></u>

*Jumlah yang dilindungi adalah berdasarkan nilai pasaran semasa kenderaan berdasarkan rujukan kepada pangkalan data penilaian kenderaan *Insurance Services Malaysia* ("ISM") *Automotive Business Intelligence* ("ABI").

Tertakluk kepada sumbangan minima RM20.00.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Yuran Wakalah	30% daripada sumbangan termasuk: - Komisen – 10% - Perbelanjaan Lain – 20%
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% dari sumbangan dibayar

6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

Beberapa terma dan syarat utama yang perlu anda ketahui ialah:

a) Tanggungjawab Pendedahan**Kontrak Takaful Pengguna**

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat pernyataan yang salah dalam menjawab soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan berkenaan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apaapa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Takaful Komersial

Menurut Perenggan 4(1) daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan sebarang perkara yang anda tahu adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma terpakai dan apa-apa perkara yang seseorang yang munasabah dalam keadaan itu boleh dijangka tahu sebagai relevan, jika tidak, ia boleh mengakibatkan pengelakan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah berterusan sehingga masa kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan segera jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda telah dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami mana-mana maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon Takaful ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

- b) **Nilai Pasaran Motosikal** - Jika anda memilih untuk melindungi motosikal anda pada nilai pasaran, anda perlu memastikan supaya kenderaan anda dilindungi pada amaun yang sesuai iaitu nilai pasaran semasa kenderaan. Kegagalan untuk melindungi berdasarkan kepada Nilai Pasaran semasa kenderaan boleh mempengaruhi penjelasan tuntutan kerana "Klaus Purata" (bayaran tertakluk kepada purata) akan diguna pakai di mana amaun bayaran yang akan ditawarkan lebih rendah daripada amaun perlindungan.
- c) **Ekses** - Jumlah kerugian pertama yang perlu anda tanggung sekiranya berlaku tuntutan seperti yang dinyatakan dalam jadual.
- d) **Tunai Sebelum Perlindungan**
- Sumbangan penuh perlu dibayar kepada kami atau ejen sah yang mewakili kami sebelum perlindungan boleh diberikan.
 - Anda dinasihatkan untuk membayar sumbangan kepada kami melalui ejen kami yang diberi kuasa sama ada secara tunai, kad kredit, kad debit, pembayaran elektronik lain atau cek (cek hendaklah dibuat hanya atas nama Syarikat).
- e) **Bengkel Pembaikan Yang Diluluskan** - Jika kenderaan anda terlibat dalam kemalangan, anda perlu menghantar kenderaan yang rosak ke:
- Bengkel pembaikan kenderaan yang terdapat dalam panel bengkel yang diluluskan oleh kami;
 - Bengkel pembaikan kenderaan yang diluluskan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) di bawah Skim Bengkel Pembaikan yang Diluluskan PIAM (PARS); atau
 - Mana-mana bengkel pembaikan lain yang telah kami berikan kelulusan khas kepada anda untuk digunakan.
- f) **Prosedur Tuntutan** - Jika berlaku kemalangan yang menimbulkan tuntutan, anda hendaklah memaklumkan kepada kami dengan segara.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil untuk senarai terma dan syarat yang lengkap bagi produk ini.

7. Apakah pengecualian utama bagi produk ini?

Produk ini tidak melindungi perkara berikut:

- Kematian atau kecederaan badan sendiri akibat kemalangan motor;
- Kehilangan kegunaan motosikal anda;

- iii) Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada pemboceng motosikal anda melainkan dinyatakan sebaliknya pada endorsemen berasingan; atau
- iv) Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul daripada alam semula jadi contoh banjir, ribut atau tanah runtuhan melainkan dinyatakan sebaliknya dalam endorsemen berasingan.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil untuk senarai pengecualian yang lengkap bagi produk ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda berhak mendapat sebahagian bayaran balik sumbangan dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan.

9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda mengemaskini portal *myTakaful Customer* atau memaklumkan kepada kami sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Motor, anda boleh merujuk kepada laman web, hubungi kami atau mana-mana cawangan atau daripada ejen kami atau anda juga boleh merujuk kepada buku panduan *infoinsurance* berkaitan 'Takaful Motor', yang boleh didapati di cawangan kami atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Unit Khidmat Pelanggan (CSU)

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)]

Tingkat 27, Blok Annex,
Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur.

Peti Surat 11483,
50746 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300 88 252 385

Faks: 603 - 2274 0237

Emel: csu@takaful-malaysia.com.my

Laman Web: www.takaful-malaysia.com.my

11. Jenis-jenis perlindungan lain yang sama dan boleh didapati.

Sila rujuk kepada laman web, cawangan atau ejen kami untuk mendapat maklumat mengenai perlindungan lain yang sama yang boleh didapati.

NOTA PENTING:

**ANDA PERLU MEMASTIKAN BAHAWA KENDERAAN ANDA DILINDUNGI PADA JUMLAH YANG SEPATUTNYA.
JIKA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA DINASIHATKAN UNTUK BERURUSAN DENGAN BENGKEL YANG DILULUSKAN. ANDA PERLU BACA DAN MEMAHAMI SIJIL DAN HUBUNGI KAMI TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan di dalam Helaian Penerangan Produk ini adalah sah pada April 2024.